



Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Putra Malaysia

**EDARAN DALAMAN:
KEMASUKAN SEMULA PELAJAR TEMPATAN DAN ANTARABANGSA
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA BAGI SEMESTER 1 SESI 2020/2021**

Kepada Pegawai dan Pelajar Universiti Putra Malaysia,

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

1. Sejar dengan pengumuman oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia bertarikh 16 Julai 2020, Universiti Putra Malaysia (UPM) akan meneruskan semula aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka untuk program Bachelo, Master dan PhD bagi Semester 1 Sesi 2020/2021 yang akan bermula pada 19 Oktober 2020. Bagi program Diploma, aktiviti PdP secara bersemuka akan bermula pada 28 September 2020 sebagaimana Edaran Dalaman TNCAA bertarikh 29 Jun 2020.
2. Semua pelajar antarabangsa yang dibenarkan oleh Kerajaan Malaysia untuk masuk ke Malaysia diwajibkan menjalani kuarantin dua minggu yang merangkumi ujian pengesanan COVID-19 seperti yang dikehendaki oleh Majlis Keselamatan Negara dan berada di pusat kuarantin yang disediakan oleh NADMA (National Disaster Management Agency). Pelajar diminta untuk memaklumkan penempatan pusat kuarantin mereka kepada UPM dengan mengisi *google form* i-PUTRA <https://forms.gle/oVD2gYEmfGg3UcTk8> pada hari pertama di pusat kuarantin. Semua kos kuarantin perlu ditanggung sendiri oleh pelajar semasa daftar masuk. Hanya setelah selesai menjalani kuarantin dua minggu (dengan keputusan ujian COVID-19 negatif), mereka dibenarkan menghadiri kelas bersemuka di UPM. Oleh itu, mereka dikehendaki kembali ke Malaysia dua minggu sebelum bermulanya Semester 1 Sesi 2020/2021 (selewat-lewatnya pada 4 Oktober 2020) untuk menjalani kuarantin.
3. Pelajar antarabangsa hanya akan dibenarkan memasuki Malaysia setelah menerima *Travel Authorization Letter* daripada Jabatan Imigresen Malaysia/EMGS. Mereka juga diminta untuk menyerahkan Letter of *Undertaking* (LoU) yang menyatakan persetujuan menjalani kuarantin selama dua minggu dan bahawa mereka akan menanggung semua kos yang dikenakan. Selain itu, mereka juga perlu mendapatkan Surat Persetujuan (Entry Permit) daripada Kedutaan/Perwakilan Malaysia yang ditauliahkan di luar negara. Pelajar antarabangsa tidak dibenarkan membawa tanggungan bersama.

4. Sekiranya pelajar antarabangsa tidak dibenarkan memasuki Malaysia atau membuat keputusan untuk tidak kembali ke UPM bagi pengajian Semester 1 Sesi 2020/2021 kerana tidak mahu membayar kos kuarantin selama dua minggu dan tiada kelas maya untuk program mereka, mereka diminta untuk menangguhkan pengajian mereka bagi semester tersebut.
5. Semua fakulti dan institut diminta untuk memastikan bahawa pelajar mematuhi SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia serta semua peraturan lain yang ditetapkan oleh UPM dari semasa ke semasa.
6. Segala perubahan dalam garis panduan UPM yang disebabkan oleh perubahan polisi dan peraturan Kerajaan Malaysia sepanjang tempoh pandemik ini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Prof. Ts. Dr. M. Iqbal Saripan
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Putra Malaysia
dvcai@upm.edu.my
4 September 2020 | 16 Muharram 1442H



Office of Deputy Vice Chancellor (Academic and International)
Universiti Putra Malaysia

**INTERNAL CIRCULATION:
RE-ADMISSION OF LOCAL AND INTERNATIONAL RETURNING STUDENTS
TO UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA FOR SEMESTER 1 2020/2021**

Dear Officers and Students of Universiti Putra Malaysia,

Assalamualaikum and Good day,

1. In line with the announcement by the Ministry of Higher Education Malaysia dated 16 July 2020, Universiti Putra Malaysia (UPM) will resume face-to-face teaching and learning (T&L) activities for Bachelor, Master and PhD for the first semester 2020/2021 academic session which will begin on 19 October 2020. The face-to-face T&L activities for Diploma Program will begin on 28 September 2020 as per DVCAI's Internal Circulation dated 29 June 2020.
2. All returning international students who are permitted by the Malaysian Government to enter the country must undergo a two-week quarantine which includes COVID-19 detection tests as required by the National Security Council and be at quarantine centre provided by NADMA (National Disaster Management Agency). Students are required to inform their quarantine centre placement to UPM by filling up i-PUTRA's google form <https://forms.gle/oVD2gYEmfGg3UcTk8> on the first day at the centre. All costs incurred for the quarantine shall be borne by the students paid upon check-in. Only upon completion of the two-week quarantine (with negative COVID-19 test results), are allowed to attend face-to-face classes at UPM. Hence, returning students must enter Malaysia two weeks prior to the commencing of the first semester 2020/2021 academic session, (no later than 4 October 2020) in order to undergo the two-week quarantine.
3. Returning international students will only be allowed to enter Malaysia after receiving the *Travel Authorization Letter* from the Malaysian Immigration Department/EMGS. They are also required to submit the Letter of Undertaking (LoU) agreeing to the two-week quarantine period and that they will bear all costs incurred. In addition, they will also need to obtain a Letter of Approval (Entry Permit) from an accredited Malaysia Mission abroad. International students are not allowed to bring dependents with them.

4. If a returning international student is not permitted to enter Malaysia or decides not to return to UPM in the first semester 2020/2021 academic session because he/she is unwilling to pay the cost incurred for the two-week quarantine and that there are no virtual classes for their programme/course, they are then required to defer their studies for the semester.
5. All faculties and institutes must ensure that students comply with the SOPs set by the National Security Council and the Ministry of Health Malaysia as well as all other regulations prescribed by UPM from time to time.
6. Any changes in UPM's guidelines due to the change in government policies and regulations during the pandemic will be kept updated from time to time.

Prof. Ts. Dr. M. Iqbal Saripan
Deputy Vice Chancellor (Academic and International)
Universiti Putra Malaysia
dvcai@upm.edu.my
4 September 2020 | 16 Muharram 1442H